# Pendakwa Raya lwn Sridhar Arunasalam

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 46–22 TAHUN 2004
ABDULL HAMID EMBONG H
18 MAC 2005

*Acara Jenayah — Perbicaraan — Kes pihak pendakwa — Akhir perbicaraan — Sama ada pihak pendakwa harus buktikan kesnya tanpa keraguan munasabah*

*Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya (Malaysia) — ss 37(da) & 39B(1)(a) — Mengedar dadah berbahaya — Sama ada keterangan prima facie dikemukakan untuk membuat anggapan pengedaran dadah) — Sama ada unsur fizikal dan unsur mental harus dibuktikan untuk membuktikan jagaan dan milikan dadah berbahaya*

*Undang-Undang Keterangan — Andaian bertentangan — Kegagalan mengemukakan laporan maklumat pertama — Tiada laporan maklumat pertama tetapi mempunyai laporan tangkapan — Sama ada andaian bertentangan boleh dibangkitkan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)*

*Undang-Undang Keterangan — Saksi — Memanggil saksi oleh pihak pendakwa — Kes pendakwaan terbukti — Sama ada budi bicara pendakwaan untuk memanggil saksi-saksi untuk keterangan tambahan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)*

Berdasarkan satu maklumat daripada sumber, sekumpulan anggota polis dari Jabatan Narkotik, IPK Kuala Lumpur yang diketuai oleh Cif Inspektor Roslan bin Hussin (SP4) telah membuat satu pemerhatian di kawasan Restoran McDonald's Titiwangsa. Tertuduh (OKT) telah kelihatan masuk ke dalam restoran tersebut sambil menggalas satu beg merah (P9) di bahu sebelah kanan bahagian belakang. OKT dicamkan oleh SP4 dan DSM Ahmad Ruslan (SP3) mengikut maklumat yang diterima. OKT kelihatan menuju ke pintu masuk restoran dan seterusnya beliau telah kelihatan berada di tingkat saturestoran tersebut iaitu tempat di mana SP4, SP3, D/Kpl Tanie Ho dan D/Kpl Anuar Ibrahim sedang duduk menunggu dan membuat pemerhatian. Semasa kelihatan di tingkat satu tersebut, OKT masih lagi menyandang beg yang sama seperti mana dilihat semasa di bawah. Sebaik sahaja OKT sampai di tingkat atas, SP3 dengan dibantu oleh SP4, Tanie Ho dan Anuar Ibrahim telah menuju ke arah beliau dan telah memaut tengkok OKT serta memperkenalkan diri beliau sebagai polis. Kemudian berlakulah pergelutan di antara OKT dan anggota polis sebelum beliau berjaya ditangkap dan digari. SP4 kemudiannya telah membacakan kata-kata amaran di bawah s 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB), yang kemudiannya diterjemahkan oleh D/Kpl Ramachandran. SP4 kemudiannya telah menjalankan pemeriksaan ke atas P9 dan mendapati di dalamnya bahan yang disyaki dadah. Tertuduh kemudian dituduh telah mengedar dadah berbahaya iaitu 200.2g campuran heroin dan monoacetylmorphines, oleh yang demikian telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB dan boleh dihukum di bawah s 39B(2)

Akta yang sama. Dalam hujahnya peguam OKT berkata bahawa keterangan tidak menunjukkan yang OKT memiliki beg (P9) itu atau mengetahui yang P9 itu mengandungi dadah. Peguam juga berhujah bahawa tiada cap jari diperoleh daripada beg itu untuk membuktikan pengawalan dan pemilikan yang eksklusif ke atasnya. Berkenaan dengan kelakuan OKT yang kelihatan takut apabila ditangkap, peguam berhujah, ini disebabkan OKT fikir dia telah membawa telefon bimbit yang diseludupi. Peguam juga berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan pertama polis dan kegagalan pengurus McDonald's dan D/Kpl Ramachandran iaitu anggota polis yang menjadi jurubahasa sewaktu OKT ditangkap dan dibacakan hak-haknya dipanggil untuk memberi keterangan tambahan dalam kes ini telah memudaratkan kes pendakwaan dan andaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai untuk mematahkan kes pendakwaan itu.

**Diputuskan**, mendapati tertuduh bersalah, mensabit dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atasnya:

(1) Di peringkat penghujung kes pendakwaan, mahkamah perlu memutuskan bahawa intipati yang perlu dibuktikan adalah OKT mempunyai jagaan dan milikan ke atas barang kes iaitu dadah berbahaya seberat 200.2g campuran heroin dan monoacetylmorphines pada masa kejadian. Berdasarkan kepada pembuktian tersebut, maka berdasarkan s 37(da) ADB, anggapan mengedar dadah tersebut terpakai ke atas OKT bagi menyabitkan kesalahan di bawah s 39B(1)(a) ADB (lihat perenggan 10).

(2) Bagi maksud untuk membuktikan intipati pertama, perlu dibuktikan terdapatnya unsur fizikal dan unsur mental iaitu OKT bukan sahaja perlu berada dalam keadaan yang membolehkan beliau berurusan denga n dadah tersebut seolah-olah ia kepunyaan beliau tetapi ia haruslah ditunjukkan bahawa beliau mempunyai niat untuk berurusan dengan dadah itu seolah-olah ia merupakan kepunyaannya, sekiranya beliau melihat adanya sebarang keadaan untuk beliau berbuat demikian (lihat perenggan 11); *Public Prosecutor v Nik Ahmad Aman* [2002] 5 MLJ 641; *Chan Pean Leong v Public Prosecutor* [1956] 2 MLJ 237 dan *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] MLJ 58 diikut.

(3) Bagi membuktikan milikan secara fizikal, perlu dibuktikan bahawa dadah tersebut telah diperoleh dari OKT sendiri; jika tidak adalah perlu untuk membuktikan bahawa OKT berhampiran dengannya yang boleh membawa kesimpulan yang tidak lain daripada bahawa OKT adalah sesungguhnya pemiliknya (lihat perenggan 12).

(4) Semasa SP4 disoal balas oleh peguam OKT, SP4 telah menyatakan bahawa maklumat yang telah beliau terima adalah OKT akan datang menaiki sebuah motosikal dan dia seorang India dan memakai topi keledar. Keterangan ini walaupun bersifat 'prejudicial' namun kerana ianya dikemukakan semasa SP4 diperiksa balas oleh peguam OKT, ia

boleh diterima pakai oleh mahkamah. Keterangan ini jelas menunjukkan bahawa maklumat tersebut adalah tepat termasuklah keterangan bahawa OKT akan menjalankan transaksi pengedaran dadah. Dengan kata yang lain, OKT mempunyai pengetahuan terhadap dadah yang dia bawa itu (lihat perenggan 13); *Law Tim Wah v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 167 diikut.

(5) Berdasarkan kepada penilaian terhadap keterangan-keterangan ini, mahkamah telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan dengan keterangan langsung yang OKT mempunyai jagaan dan kawalan yang eksklusif terhadap dadah tersebut dan mempunyai pengetahuan terhadapnya (lihat perenggan 14); *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705 diikut.

(6) Kes pendakwaan telah lengkap terbukti di atas tanpa keraguan munasabah dan tidak ada keperluan bagi pengurus McDonald's dan D/Kpl Ramachandran iaitu anggota polis yang menjadi jurubahasa sewaktu OKT ditangkap dan dibacakan hak-haknya dipanggil untuk memberi keterangan tambahan. Ini adalah budi bicara pihak pendakwaan yang tidak diperlukan oleh undang-undang memanggil semua bakal saksi, jika saksi itu tidak dapat menambah apa-apa keterangan relevan yang baru kepada keterangan yang sudah memadai melalui saksi-saksi lain (lihat perenggan 26); *Public Prosecutor v Lee Pak* [1937] MLJ 265 diikut.

(7) Mahkamah tidak bersetuju dengan hujah peguam tentang kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan polis pertama telah menimbulkan anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 kerana dalam kes ini tidak ada laporan pertama. Pihak polis bertindak atas maklumat yang diterima daripada sumber mereka. Hanya laporan tangkapan ke atas OKT dibuat oleh SP4 yang telah diserah salinannya kepada peguam OKT dan dikemukakan oleh pihak pembelaan sebagai eksibit (lihat perenggan 26).

(8) Di akhir perbicaraan ini adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk menilai semula keseluruhan keterangan pihak pendakwaan yang kini perlu dilihat dari aspek keterangan pihak pembelaan pula untuk menentukan sama ada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan itu (lihat perenggan 29); *Public Prosecutor v Ibrahim Mahmud* diikut.

(9) Setelah penilaian semula dan secara menyeluruh itu dibuat mahkamah dapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa sebarang keraguan munasabah (lihat perenggan 30).

[**English summary**

Based on information from a source, a group of police officers from the Narcotic Department, Kuala Lumpur Headquarters headed by Chief Inspector

Roslan bin Hussin (SP4) made an observation at Titiwangsa McDonald's Restaurant. The accused (OKT) was seen to have entered the said restaurant carrying a red bag (P9) on the back of his right shoulder. OKT was identified by SP4 and DSM Ahmad Ruslan (SP3) based on the information received. OKT was seen heading towards the entrance door of the restaurant and later seen to be on the first floor of the restaurant which was where SP4, SP3, D/Kpl Tanie Ho and D/Kpl Anuar Ibrahim were sitting and observing. Whilst on the first floor, OKT was still carrying the same bag as seen when he was downstairs. Tanie Ho and Anuar Ibrahim headed towards him and held onto OKT's neck and introduced themselves as policemen. There was a struggle between OKT and the policemen before he was arrested and handcuffed. SP4 then read him the caution statement under s 37A(1)(b) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'), which was translated by D/Kpl Ramachandran. SP4 then did a search on P9 and a substance suspected to be drugs was found in it. The accused was charged trafficking dangerous drugs, ie 200.2g mixture of heroin and monoacetylmorphines, and therefore had committed an offence under s 39B(1)(a) of the DDA and punishable under s39B(2) of the same Act. OKT's counsel submitted that the evidence did not show OKT was in possession of the bag (P9) or had known P9 contained drugs. Counsel also submitted that there were no finger prints obtained from the bag to establish exclusive control and possession of it. In respect of OKT's conduct who seemed frightened when arrested, counsel submitted that it was because OKT thought he had brought smuggled handphones. Counsel also submitted that failure of the prosecution to adduce the police's first information report and failure to call the McDonald's management and D/Kpl Ramachandran, the policeman who was the interpreter when OKT was arrested and read his rights, to give subsequent evidence in this case had been fatal to the prosecution's case and the presumption of s 114(g) of the Evidence Act 1950 was applicable to rebut the prosecution's case.

**Held**, finding the accused guilty, convicting and sentencing him to be hanged to death:

(1) At the final stage of the prosecution's case, the court had to determine that the ingredient to be established was that OKT had control and possession of items of the case, ie dangerous drugs weighing 200.2g a mixture of heroin and monoacetylmorphines during the incident. Based on the proof thereof, hence by virtue of s 37(da) ADB, the presumption of trafficking drugs was applicable upon OKT to be convicted for the offence under s 39B(1)(a) of the DDA (see para 10).

(2) For purposes of proving the first ingredient, it was necessary to prove there existed physical and mental elements, ie OKT not only had to be in a situation that enabled him to handle the drug as if it was his but it had to be established that he had the intention to handle the drugs as if

it were his, if the situation rendered such action necessary (see para 11); *Public Prosecutor v Nik Ahmad Aman* [2002] 5 MLJ 641; *Chan Pean Leong v Public Prosecutor* [1956] 2 MLJ 237 dan *Leow Ngbee Lim v Reg* [1956] MLJ 58 followed.

(3) In proving physical possession, it was necessary to prove that the drug were obtained by OKT himself; otherwise it was necessary to prove that OKT was close to it in order to make a conclusion that there no other person apart from OKT who was the rightful owner (see para 12).

(4) During the cross examination of SP4 by OKT's counsel, SP4 had stated that the information obtained by him was that OKT would come on a motorcycle and he was an Indian and wearing a helmet. This evidence even though was prejudicial in nature was adduced during cross examination of SP4 by OKT's counsel which would be admissible in court. This evidence clearly showed that the information was precise including the evidence that OKT would make a drug trafficking transaction. In other words, OKT had knowledge of the drugs he was carrying (see para 13); *Law Tim Wah v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 167 followed.

(5) Based on the evaluation on these evidence, the court found the prosecution had successfully prove through direct evidence that OKT had exclusive possession and control of the drug and had knowledge of it (see para 14); *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705 followed.

(6) The prosecution's case was completely proved without any reasonable doubt and it was not necessary for the manager of McDonald's and D/Kpl Ramachandran who was the police interpreter when OKT was arrested and who read the latter's rights, to be called to give additional evidence. It is the prosecution's discretion to call witnesses and it was not necessary for the prosecution to call upon all witnesses if no fresh relevant evidence could be adduced to add upon evidence from other witnesses which were already sufficient in itself through that witness to prove the case (see para 26); *Public Prosecutor v Lee Pak* [1937] MLJ 265 followed.

(7) The court disagreed with counsel's submission that the failure of the prosecution to adduce the police's first information report had raised a presumption under s 14(g) of the Evidence Act 1950 because in this case there was no first information report. The police had acted based on information obtained from a source. There was only the report on OKT's arrest made by SP4 whereby a copy was forwarded to OKT's counsel and adduced by the defence as an exhibit (see para 26).

(8) At the end of this trial, it was the court's duty to re-evaluate the overall evidence of the prosecution which had to be viewed from the aspect of the defence's evidence to determine whether the defence had succeeded in raising a reasonable doubt on the prosecution's case (see para 29); *Public Prosecutor v Ibrahim Mahmud* followed.

(9) After re-evaluating as a whole, the court found that the prosecution had successfully established their case without any reasonable doubt (see para 30).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai kegagalan mengemukakan laporan maklumat pertama, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 182–183.
Untuk kes-kes mengenai kes pihak pendakwa, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 4574–4583.
Untuk kes-kes mengenai saksi dipanggil oleh pihak pendakwa, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2486–2501.
Untuk kes-kes mengenai ss 37(da), 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (Malaysia), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 290–445.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Balachandran v PP* [2005] 2 MLJ 301 (diikut)
*Chan Pean Leon v PP* [1956] MLJ 237 (diikut)
*Gunalan a/l Ramachandran & Anor v PP* [2004] 4 MLJ 489 (dirujuk)
*Law Tim Wah v PP* [1978] 1 MLJ 167 (diikut)
*Leow Nghee Lim v Reg* [1956] MLJ 58 (diikut)
*Loh Chak Wan v PP* [1939] MLJ 84 (dirujuk)
*Looi Kow Chai v Anor v PP* [2003]2 MLJ 65 (diikut)
*Mat v PP* [1963] MLJ 263 (dirujuk)
*Mcgill v Her Majesty's Advocate* (2000) SCCR 253 (dirujuk)
*Mohamad Yatin bin Abu Bakar v PP* [1950] MLJ 57 (dirujuk)
*Mohamad Radhi bin Yaakob v PP* [1991] 3 MLJ 169 (dirujuk)
*PP v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705 (diikut)
*PP v Ibrahim Mahmud* [2001] 3 CLJ 248 (diikut)
*PP v Lee Pak* [1937] MLJ 265 (diikut)
*PP v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257 (dirujuk)
*PP v Nik Ahmad Aman* [2002] 5 MLJ 641 (diikut)
*Pendakwa Raya v Liew Chee Hong* [2004] MLJU 388 (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(da), 37A(1)(b), 39B(1)(a), (2)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Acara Jenayah s 277

*Mohamad Abazafree bin Mohd Abbas (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa raya.*
*PS Doal (Kalwant Singh dan Harshinder Kaur bersamanya) (Syeliza & Partners) bagi pihak OKT.*

**Abdull Hamid Embong H:**

**[1]** Tertuduh (OKT) telah disabitkan atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 22 September 2003, jam lebih kurang 7.15 malam di McDonald's Titiwangsa, Lot 8, Section 85, Jalan Pahang, Kuala Lumpur, telah mengedar dadah berbahaya iaitu 200.2g campuran heroin dan monoacetylmorphines (120.8g heroin dan 79.4g monoacetylmorphines), oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum dibawah s 396(2) Akta yang sama.

**[2]** Fakta kes secara ringkasnya adalah seperti yang telah dihuraikan oleh timbalan pendakwa raya dalam hujah bertulis beliau yang mana diterima oleh mahkamah sebagai penemuan fakta yang tepat berlandaskan keterangan saksi dan juga eksibit yang dikemukakan.

**[3]** Pada 22 September 2003, jam 6.45 petang, berdasarkan satu maktumat daripada sumber, sekumpulan anggota polis dari Jabatan Narkotik, IPK Kuala Lumpur yang diketuai oleh Cif Inspektor Roslan bin Hussin (SP4) telah membuat satu pemerhatian di kawasan Restoran McDonald's Titiwangsa beralamat di Lot 8, Seksyen 85, Jalan Pahang, 53300 Kuala Lumpur. Pasukan polis tersebut telah tiba di tempat kejadian pada jam 6.45 petang dan pada jam lebih kurang 7.15 petang OKT telah kelihatan masuk ke dalam restoran tersebut sambil menggalas satu beg merah (P9) di bahu sebelah kanan bahagian belakang. OKT dicamkan oleh Cif Inspektor Roslan (SP4) dan DSM Ahmad Ruslan (SP3) mengikut maklumat yang diterima. OKT kelihatan menuju ke pintu masuk restoran dan seterusnya beliau telah kelihatan berada di tingkat satu restoran tersebut iaitu tempat di mana SP4, SP3, D/Kpl Tanie Ho dan D/Kpl Anuar Ibrahim sedang duduk menunggu dan membuat pemerhatian. Semasa kelihatan di tingkat satu tersebut, OKT masih lagi menyandang beg yang sama seperti mana dilihat semasa di bawah.

**[4]** Sebaik sahaja OKT sampai di tingkat atas, SP3 dengan dibantu oleh SP4, Tanie Ho dan Anuar Ibrahim telah menuju ke arah beliau dan telah memaut tengkok OKT serta memperkenalkan diri beliau sebagai polis. Kemudian berlakulah pergelutan di antara OKT dan anggota polis sebelum beliau berjaya ditangkap dan digari. SP4 kemudiannya telah membacakan kata-kata amaran di bawah s 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang kemudiannya diterjemahkan oleh D/Kpl Ramachandran.

**[5]** SP4 kemudiannya telah menjalankan pemeriksaan ke atas P9 (beg merah) dan mendapati di dalamnya satu beg hijau bertanda 'ATM' (P10) dan di dalam P10 itu pula terdapat satu kotak berjenama 'NIKE' (P11). Di dalam P11 terdapat enam bungkusan keratan akhbar berbahasa Cina seperti mana yang ditunjukkan dalam gambar P6A. SP4 telah merampas eksibit-eksibit tersebut serta menangkap OKT dan dibawa balik ke IPK Kuala Lumpur.

**[6]** SP4 telah menyerahkan eksibit-eksibit tersebut kepada Pegawai Penylasat iaitu K/Insp Yap Huat Tian (SP8). Bahan yang disyaki dadah tersebut telah dianalisis oleh Ahli Kimia Encik Nazarudin Mohamed (SP6) yang telah mengesahkan bahawa dadah-dadah tersebut adalah dadah berbahaya seberat 200.2g campuran heroin dan monoacetylmorphines, seperti dalam pertuduhan.

**[7]** Keterangan turut dikemukakan melalui Sjn Hussain Yusof (SP5) dan Regimen Artileri Di-Raja, yang telah mengesahkan bahawa OKT adalah merupakan staf beliau yang bekerja di bahagian stor 31, Regimen Artileri Di-Raja, Angkatan Tentera Malaysia. Beliau turut mengesahkan bahawa P10 ada tercatat huruf 'ATM' dan bermakna ianya adalah kepunyaan Angkatan Tentera Malaysia.

**[8]** Keterangan pihak pendakwaan didapati oleh mahkamah bahawa tiadanya pecahan terhadap rantaian keterangan berhubung dengan barang kes atau dadah tersebut. Telah dibuktikan bahawa dadah tersebut telah ditemui oleh SP4 dan beliau telah membawa dadah tersebut ke IPK untuk diserahkan kepada SP8. Semasa penyerahan tersebut beliau telah menandakan barang-barang kes tersebut berserta menandatanganinya di hadapan SP8 yang kemudiannya telah turut menandatanganinya. Barang kes tersebut kemudiannya telah disimpan oleh SP8 sebelum beliau menyerahkannya kepada DSP Shaikh Abdul Aziz iaitu juruanalisis kanan cap jari iaitu SP7 bagi dibuat pemeriksaan cap jari. Semasa penyerahan barang kes tersebut kepada SP7 beliau telah membuat akuan penerimaan barang kes di hadapan SP8. Barang kes selanjutnya telah selamat berada dalam jagaan SP7 sebelum ianya dikembalikan kepada SP8.

**[9]** Barang kes kemudiannya disimpan oleh SP8 dan satu siaran akhbar yang telah dibuat oleh SAC Isahak Abd Aziz pada 10 Oktober 2003 berkenaan tangkapan ke atas OKT. Semasa siaran akhbar tersebut, barang kes berada dalam pemerhatian SP8 tanpa diganggu oleh sesiapa. Selepas siaran akhbar tersebut, barang kes telah dimasukkan ke dalam kotak (P4) dan diisikan sebelum ianya diserahkan kepada SP6 untuk dibuat analisis. Semasa penyerahan tersebut, bukti penyerahan dan penerimaan telah turut dikemukakan. Barang kes kemudiannya telah digunakan oleh SP6 bagi maksud menjalankan ujian kimia sebelum ianya dibungkuskan semula oleh SP6 dan diserahkan kepada SP8 untuk disimpan di dalam stor. SP6 telah memperakukan bahawa barang kes yang telah dibawa ke mahkamah adalah barang kes sama yang telah beliau terima dari SP8 dan dibuat analisis dan dfkembalikan kepada SP8 kemudiannya. Dalam kes Mahkamah Rayuan, *Gunalan a/l Ramachandran & Anor v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 489, Abdul Hamid Mohamad HMR memutuskan di ms 509:

> … so long as there is no doubt that the drug analysed by the chemist was the same one that was recovered in the case and it is in respect of that drug that the accused is charged, and there is reasonable explanation as to how it was lost or destroyed or the reason for the gap, there is no reason why the prosecution's case should fall.

**[10]** Di peringkat penghujung kes pendakwaan, mahkamah perlu memutuskan bahawa intipati yang perlu dibuktikan adalah OKT mempunyai jagaan dan milikan (possession) ke atas barang kes iaitu dadah berbahaya seberat 200.2g campuran heroin dan monoacetylmorphines pada masa kejadian. Berdasarkan kepada pembuktian tersebut, maka berdasarkan s 37(da), anggapan mengedar dadah tersebut terpakai ke atas OKT bagi mensabitkan kesalahan di bawah s39B(1)(a).

**[11]** Bagi maksud untuk membuktikan intipati pertama, perlu dibuktikan terdapatnya unsur fizikal dan unsur mental iaitu OKT bukan sahaja perlu berada dalam keadaan yang membolehkan beliau berurusan dengan dadah tersebut seolah-olah ia kepunyaan beliau tetapi ia haruslah ditunjukkan bahawa beliau mempunyai niat untuk berurusan dengan dadah itu seolah-olah ia merupakan kepunyaannya, sekiranya beliau melihat adanya sebarang keadaan untuk beliau berbuat demikian (lihat *Public Prosecutor v Nik Ahmad Aman* [2002] 5 MLJ 641; *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] MLJ 237 dan *Leow Nghee Lim v Reg* [1956] MLJ 58).

**[12]** Bagi membuktikan milikan secara fizikal, perlu dibuktikan bahawa dadah tersebut telah diperoleh dari OKT sendiri; jika tidak adalah perlu untuk membuktikan bahawa OKT berhampiran dengannya yang boleh membawa kesimpulan yang tidak lain daripada bahawa OKT adalah sesungguhnya pemiliknya. Keterangan-keterangan langsung yang menyokong bahawa OKT mempunyai milikan fizikal ke atas dadah tersebut telah diringkaskan oleh TPR dalam hujah beliau dan diterima oleh mahkamah sebagai fakta kes yang jelas terbukti, iaitu:

(a) Pemerhatian yang telah dibuat oleh SP3 dan SP4 menunjukkan bahawa OKT sedang menyandang P9 sewaktu OKT menuju ke pintu masuk restoran tersebut dan ketika OKT sampai di tingkat atas, P9 masih lagi disandang oleh beliau.

(b) SP3 juga telah menunjukkan kepada mahkamah cara P9 tersebut disandang yang dengan jelas menunjukkan betapa OKT mempunyai kawalan terhadap dadah tersebut.

(c) Selepas OKT ditangkap oleh SP3, P9 masih lagi disandang oleh beliau tanpa beliau melepaskannya. Ini menguatkan lagi kenyataan pendakwaan bahawa P9 tersebut berada dalam kawalan OKT.

(d) P9, setelah diperiksa mengandungi dadah yang menjadi subjek pertuduhan ini. Dadah itu pula diletak di dalam satu kotak yang disimpan di dalam beg 'ATM' (P10) yang berada di dalam beg P9 itu. Kedua-dua beg tersebut ketika diambil oleh SP4 adalah dalam keadaan bertutup. Ini menunjukkan betapa OKT telah memastikan dadah tersebut berada dalam keadaan yang tersimpan rapi yang boleh membawa inferens bahawa dia mengetahui akan kandungan di dalam P9 itu.

**[13]** Keterangan-keterangan langsung ini yang menunjukkan elemen fizikal disokong pula dengan keterangan yang membolehkan mahkamah untuk membuat satu inferens berkenaan pengetahuan atau elemen mental OKT terhadap dadah tersebut serta pemilikan ke atasnya. Antara keterangan-keterangan tersebut adalah:

(a) OKT ketika ditangkap telah cuba untuk menghalang penangkapan beliau apabila berlakunya pergelutan di antara OKT dengan pihak polis (lihat kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705 dan *Pendakwa Raya v Liew Chee Hong* [2004] MLJU 388).

(b) SP5 telah menyatakan bahawa ketika beliau membuka bungkusan dadah tersebut, OKT kelihatan takut dengan penemuan dadah tersebut (lihat kes *Mcgill v Her Majesty's Advocate* (2000) SCCR 253).

(c) Semasa SP4 disoal balas oleh peguam OKT, SP4 telah menyatakan bahawa maklumat yang telah beliau terima adalah OKT akan datang menaiki sebuah motosikal dan dia seorang India dan memakai topi keledar (keterangan SP4 di ms 28). Keterangan ini walaupun bersifat 'prejudicial' namun ianya dikemukakan semasa SP4 diperiksa balas oleh peguam OKT boleh diterima pakai oleh mahkamah. Keterangan ini jelas menunjukkan bahawa maklumat tersebut adalah tepat termasuklah keterangan bahawa OKT akan menjalankan transaksi pengedaran dadah. Dengan kata yang lain, OKT mempunyai pengetahuan terhadap dadah yang dia bawa itu (lihat *Law Tim Wah v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 167 di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa 'appellant should not complain about what he called prejudicial evidence when these arose as a result of cross-examination').

(d) Selain dari itu, keterangan SP5 menunjukkan bahawa P10 yang bertanda 'ATM' adalah merupakan beg milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Walaupun beliau menyatakan bahawa beg sebegitu boleh didapati di luar perkhidmatan tentera, namun dengan tertulisnya perkataan 'ATM' tersebut menunjukkan bahawa P10 itu adalah sesungguhnya milik 'ATM'. Dengan keterangan yang menunjukkan bahawa OKT adalah seorang Penjaga Stor ATM dan beg serupa dengan itu berada dalam simpanan stor tersebut, maka ini membuktikan secara inferens yang kukuh bahawa beg 'ATM' tersebut diperoleh dengan senangnya oleh OKT dari stor tempat kerjanya.

**[14]** Berdasarkan kepada penilaian terhadap keterangan-keterangan ini, mahkamah telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan dengan keterangan langsung yang OKT mempunyai jagaan dan kawalan yang eksklusif terhadap dadah tersebut dan mempunyai pengetahuan terhadapnya (lihat kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705).

**[15]** Selanjutnya, keterangan pihak pendakwaan juga telah secara terus membuktikan bahawa dadah tersebut adalah dadah berbahaya campuran heroin dan monoacetylmorphines seberat 200.2g mengikut takrifnya di bawah s 2 ADB 1952. Oleh yang demikian, andaian mengikut s 37(da) terpakai, iaitu 'Any person who is found in possession of a total of 15g or more in weight of heroin, morphine and monoacetylmorphlnes or a total of 15g or more in weight of any two of the said dangerous drugs; ... otherwise that in accordance with the authority of this Act or any other written law, shall be presumed, until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug'. Jumlah dadah yang terlalu banyak ini pula sama sekali menyangkal inferensi yang boleh dibangkitkan bahawa dadah itu digunakan selain daripada untuk tujuan pengedaran.

**[16]** Berdasarkan fakta kes di atas mahkamah berpuashati yang pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT yang perlu dipatahkan oleh pihak pembelaan. Mahkamah Persekutuan dalam kes terbarunya atas isu prima facie iaitu *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 ini telah menyarankan ujian tersebut (di ms 316):

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

**[17]** Ujian tersebut sebelum itu juga dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65. OKT telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi.

PEMBELAAN:

**[18]** Dalam pembelaannya OKT telah berkata bahawa pada hari dia ditangkap dia telah menerima panggilan dari seorang kenalannya bernama Magen. OKT adalah seorang Lans Koperal bersama Tentera Udara DiRaja Malaysia, dan pada waktu itu bertugas sebagai penjaga stor di Regimen 31, Artillery DiRaja dan antara barangan yang disimpan di stor itu adalah beg yang serupa dengan P10 yang bertanda dengan huruf 'ATM' bermaksud 'Angkatan Tentera Malaysia'. Magen dikenali oleh OKT sebulan sebelum tarikh OKT ditangkap. Mengikut cerita OKT, Magen adalah seorang penjual aksesori telefon bimbit di pasar malam Sentul, tempat OKT mula berkenalan dengannya. Pada hari kejadian, 22 September 2003 Magen telah menelefon OKT dan meminta OKT mengambil telefon bimbit daripada seorang bernama Jimmy di restoran Pizza Hut di Taman Melawati. Apabila OKT berkata dia tak kenal siapa Jimmy itu, Magen suruh OKT pergi dulu ke Pizza Hut dan dia (Magen) akan berhubung dengan OKT nanti. Apabila OKT tiba di restoran Pizza Hut Taman Melawati dia telah menerima panggilan telefon daripada Magen, meminta dia tunggu di jalanraya berhadapan dengan restoran

tersebut, Selepas itu Magen sekali lagi menelefon OKT dan meminta OKT masuk ke restoran itu. Setelah OKT masuk ke restoran Pizza Hut itu, sekali lagi Magen menelefonnya dan meminta OKT pergi balik ke motosikalnya yang diletak di jalanraya. Magen telah beritahu OKT bahawa ada satu beg berisi telefon bimbit telah diletakkan di dalam raga motosikalnya. Magen telah meminta OKT membawa beg itu ke restoran McDonald's Jalan Pahang. Dari situ OKT terus ke restoran McDonald's dan berjumpa dengan Magen di tingkat satu restoran tersebut. Magen telah mempelawa OKT minum tetapi ini ditolak oleh OKT atas alasan bahawa dia perlu pulang segera untuk menziarah neneknya yang meninggal dunia pada hari itu juga. OKT duduk di meja, berhadapan dengan Magen. Kandungan beg yang dibawa oleh OKT itu diperiksa oleh Magen tetapi OKT tidak melihat apa isi kandungan beg itu. Kemudian Magen telah bangun dan membaling beg itu. Pada waktu itu pasukan polis telah menyerbu dari belakang dan menangkap OKT. Magen dilihat oleh OKT telah dapat melarikan diri. OKT berkata dia telah digari dan dipukul oleh polis. Apabila polis menyoal OKT tentang isi beg itu, OKT berkata ia mengandungi telefon bimbit yang dia membawa atas suruhan Magen. OKT menafikan dia tahu akan dadah yang berada di dalam beg (P9) dan berkata sepanjang hidupnya dia tidak pemah melihat benda (dadah) itu. Sepanjang OKT disoal itu, pihak polis terus memukulnya. Begitu juga semasa disoal siasat di IPK, OKT mendakwa dia telah diugut, disuruh mengaku memiliki dadah itu dan di belasah dengan hos getah.

**[19]** Dalam pembelaannya OKT juga telah kemukakan sebagai eks D3 iaitu percakapan beramaran yang dia berikan. Dalam D3 itu OKT berkata dia telah diupah oleh Magen membawa telefon bimbit itu ke restoran McDonald's. Dalam pemeriksaan balasnya OKT berkata dia mendapat upah RM50 untuk membawa telefon bimbit itu dan ini adalah kali kedua dalam tempoh sebulan dia mengenali Magen, OKT telah menolong Magen membawa telefon bimbit untuknya dan mendapat upah sebegitu.

**[20]** OKT juga dalam keterangannya telah menyatakan bahawa pada petang hari itu, selepas waktu kerja, dia telah menerima panggilan telefon daripada ibunya memberitahu bahawa neneknya telah meninggal dunia. Ini disahkan oleh keterangan ibunya yang mengemukakan sijil kematian neneknya itu (D4). Ketika disoalbalas oleh TPR atas perkara ini, OKT menjelaskan bahawa dia telah berjanji dengan Magen lebih awal lagi pada hari itu untuk menolong Magen membawa telefon bimbit itu.

**[21]** Dalam pemeriksaan balasnya, OKT telah menafikan yang beg bertanda 'ATM' (P1Q) itu telah diambil daripada stor tempat dia bekerja. OKT juga berkata beg seperti P10 itu boleh diperoleh di tempat-tempat lain juga. OKT juga berkata dia tidak rapat dengan Magen tetapi mempercayai dia. Oleh sebab itulah dia tidak memeriksa apa yang terkandung di dalam beg (P9) yang diletak di dalam raga motosikalnya. OKT juga berkata dia tidak membuka beg itu kerana takut 'benda itu hilang'.

**[22]** Dalam hujahnya peguam terpelajar OKT berkata bahawa keterangan tidak menunjukkan yang OKT memillki beg (P9) itu atau mengetahui yang P9 itu mengandungi dadah. Peguam berhujah bahawa tiada cap jari diperoleh daripada beg itu untuk membuktikan pengawalan dan pemilikan yang eksklusif ke atasnya. Berkenaan dengan kelakuan OKT yang kelihatan takut apabila ditangkap, peguam berhujah Ini disebabkan OKT fikir dia telah membawa telefon bimbit yang di seludup. Peguam juga berhujah bahawa kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan pertama polis dalam kes ini telah memudaratkan kes pendakwaan dan andaian s 114(g) Akta Keterangan terpakai untuk mematahkan kes pendakwaan itu.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

**[23]** Setelah penilaian keseluruhan dibuat kepada keterangan kedua-dua pihak, mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa apa-apa keraguan munasabah dan cerita OKT telah ditolak sebagai pembelaan yang tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah.

**[24]** Beberapa aspek pembelaan telah tidak dapat diterima sebagai cerita yang munasabah dan pada pendapat saya setelah melihat dan mendengar penjelasan OKT sendiri, telah direka olehnya.

(1) Cerita tentang bagaimana beg P9 diserahkan kepada OKT amat tidak meyakinkan. Beberapa panggilan telefon daripada Magen telah diterima oleh OKT semasa berada di Taman Melawati, untuk mengatur cara P9 itu boleh disampaikan. Orang yang bernama Jimmy dari mana OKT sepatutnya menerima beg itu langsung tidak menjelma. P9 itu pula diletak begitu sahaja di dalam raga motosikal OKT. Motosikal itu pula diletak di tepi jalanraya, satu tempat awam. Amat tidak munasabah beg sebesar P9 itu dibiarkan begitu sahaja secara terbuka di tempat awam, lebih-lebih lagi jika orang yang meletaknya di situ mengetahui yang P9 itu mengandungi barang salah seperti dadah. Jika ia mengandungi telefon bimbit sekali pun, pengirimnya tidak akan meletaknya di atas motosikal OKT yang berada di tempat awam dengan sewenang-wenang begitu sahaja.

(2) Persoalan yang timbul, kenapa P9 itu tidak diserahkan kepada OKT secara terbuka dan dari tangan ke tangan? Kenapa perlu dibuat dengan cara yang begitu susah dan tersembunyi? Inferensi yang boleh dibuat oleh mahkamah ini ialah cerita OKT berkenaan penyampaian P9 itu kepadanya telah diada-adakan dan satu rekaan semata-mata.

(3) Dalam percakapan beramarannya (D3) OKT telah memberitahu polis yang P9 itu telah diserahkan kepadanya di Taman Melati, bukan Taman Melawati seperti dinyatakan dalam keterangannya. Juga dalam D3 itu, OKT berkata bahawa dia telah mengambil kotak bukannya beg. OKT

tidak langsung menyebut pasal beg yang diletakkan di dalam raga motosikalnya. Jimmy langsung tidak kelihatan tetapi dalam D4, OKT menyatakan dia dapat beg itu dan Jimmy. Apabila disoal balas oleh timbalan pendakwa raya akan mana yang betul, OKT berkata dia telah mengambil beg. Walaupun percanggahan ini kecil, mahkamah menganggap ia adalah material dari aspek penilaian kredibiliti OKT apabila mahkamah ini memberi pertimbangan kepada cerita pembelaannya. Kesimpulan yang boleh dibuat akibat percanggahan ini ialah OKT telah mereka ceritanya itu dan tidak bercakap benar ketika memberi keterangannya dimahkamah.

(4) Keterangan OKT berkenaan kenapa dia telah tidak terus pergi menziarah neneknya yang baru meninggal petang itu juga tidak diterima oleh mahkamah ini. Penjelasan yang diberi ialah oleh kerana dia telah berjanji terlebih dahulu untuk menolong Magen mengambil telefon bimbit, maka dia tidak dapat terus pulang hari itu. Penjelasan ini tidak munasabah dan menghairankan. Kematian seseorang ahli keluarga adalah satu peristiwa yang penting dan sesiapa sahaja akan ingin terus pergi menziarah dan menguruskan perihal kematian itu. Pada saya, tidak masuk akal apabila OKT berkata dia terikat dengan janjinya kepada Magen, walaupun dalam keadaan ada kematian dalam keluarga yang tentunya lebih mustahak diberi perhatian. Magen pula adalah seorang kenalan biasa yang tidak rapat dengan OKT. Saya tidak nampak kenapa pengiriman telefon bimbit itu menjadi begitu terdesak bagi OKT tidak terus pulang ke rumahnya apabila menerima berita kematian neneknya itu.

(5) Saya juga menolak sebagai rekaan semata-mata cerita OKT yang berkata bahawa Magen telah sedia berada di restoran McDonald's apabila dia sampai di tingkat satu. Tidak mungkin Magen terlepas dahpada perangkap polis yang telah berada di bahagian bawah dan atas di restoran tersebut, jika dia sebenarnya berada di situ dan berurusan dengan OKT.

**[25]** Keterangan saksi pendakwaan terutamanya SP3 dan SP4 telah diterima oleh mahkamah ini sebagai keterangan yang benar (lihat *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257) dan selepas mendengar cerita OKT, adalah diputuskan bahawa cerita pembelaan itu adalah palsu dan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Hujah peguam bela bahawa OKT kelihatan takut apabila ditangkap disebabkan dia fikir dia membawa telefon bimbit yang diseludup juga ditolak sebagai andaian yang tidak didokong oleh apa-apa keterangan.

**[26]** Begitu juga mahkamah tidak bersetuju dengan hujah peguam tentang kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan laporan polis pertama yang telah menimbulkan anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950. Dalam kes ini, saya dapati tidak ada laporan pertama. Pihak polis bertindak atas maklumat yang diterima daripada sumber mereka. Hanya laporan tangkapan

ke atas OKT dibuat oleh SP4 iaitu Setapak Report No 8896/03 yang telah di serah salinannya kepada peguam OKT dan dikemukakan oleh pihak pembelaan sebagai eksibit D1. Saya juga tidak bersetuju dengan hujah peguam OKT yang berkata bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil pengurus McDonald's dan D/Kpl Ramachandran iaitu anggota polis yang menjadi jurubahasa sewaktu OKT ditangkap dan dibacakan hak-haknya oleh SP4, telah mendatangkan anggapan bertentangan kepada kes pendakwaan dibawah s 114(g) Akta Keterangan 1950. Kes *Public Prosecutor v Ibrahim Mahmud* [2001] 3 CLJ 248 telah dirujuk. Saya memutuskan bahawa kes pendakwaan telah lengkap terbukti di atas tanpa keraguan munasabah dan tidak ada keperluan bagi mereka ini dipanggil untuk memberi keterangan tambahan. Ini adalah budi bicara pihak pendakwaan yang tidak diperlukan oleh undang-undang memanggil semua bakal saksi, jika saksi itu tidak dapat menambah apa-apa keterangan relevan yang baru kepada keterangan yang sudah memadai melalui saksi-saksi lain (lihat kes *Public Prosecutor v Lee Pak* [1937] MLJ 265). Peguam terpelajar OKT dalam hujahnya banyak memberi penekanan akan kedudukan pasukan serbu polis di tingkat satu restoran McDonald's pada hari kejadian dan berkata bahawa dari meja tempat duduk mereka tidak mungkin dapat melihat seseorang yang naik ke atas restoran tersebut. Bagi saya ini adalah fakta tidak penting, jika pun benar. Mahkamah telah memutuskan bahawa OKT sebenarnya naik ke tingkat satu restoran tersebut, ditangkap apabila memiliki beg P9 yang mengandungi dadah seperti dalam pertuduhan ini dan setelah menilai segala aspek kes ini, termasuk pembelaan OKT, mendapati bahawa OKT memiliki dadah tersebut. Undang-undang memerlukan OKT mematahkan andaian yang terpakai terhadapnya, setelah mahkamah memutuskan ada keterangan secara langsung yang OKT mengedar dadah tersebut (s 37(da) ADB 1952). Tugas mahkamah di peringkat ini adalah untuk menilai pembelaan OKT itu, sama ada ia berkemungkinan benar dan boleh menimbulkan keraguan munasabah. Dalam kes *Loh Chak Wan v Public Prosecutor* [1939] MLJ 84, prinsip ini dihuraikan begini:

> When the duty of giving an explanation is on the defendant, and an explanation is given, which is inconsistent with innocence, the court must consider whether It might reasonably be true, although not convinced of its truth.

**[27]** Dan dalam kes *Mohamad Yatin bin Abu Bakar v Public Prosecutor* [1950] MLJ 57, Spenser-Wilkinson H memutuskan:

> that it is not the correct approach to a decision in a criminal case to approach the question of the guilt or innocence of the accused on the basis of deciding which of two stories the court should believe, but the court should consider whether the story of the accused has thrown a reasonable doubt on the truth of the prosecution case and, if so, the accused is entitled to an acquittal.

**[28]** Hakim terkemuka Suffian H pula dalam kes terkenalnya *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263, mengulangi prinsip beban ke atas pihak pembelaan seperti berikut:

If the court accepts the explanation given by or on behalf of the accused, it must acquit. But this does not entitle the court to convict if it does not believe that explanation, for he is still entitled to an acquittal if the explanation raises a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence the court is left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

(Lihat juga kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, di mana Mahkamah Agong memutuskan bahawa 'even though a judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt on the prosecution case'.)

**[29]** Di akhir perbicaraan ini adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk menilai semula keseluruhan keterangan pihak pendakwaan yang kini perlu dilihat dari aspek keterangan pihak pembelaan pula untuk menentukan samada pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan itu (lihat *Public Prosecutor v Ibrahim Mahmud* di atas).

**[30]** Setelah penilaian semula dan secara menyeluruh itu dibuat saya dapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya tanpa sebarang keraguan munasabah.

**[31]** OKT didapati bersalah di atas pertuduhan ini, disabitkan dan dihukum gantung sampai mati mengikut s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan s277 Kanun Acara Jenayah.

*Tertuduh didapati bersalah, disabit dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.*

Dilaporkan oleh AG Kalidas